

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Ariegusrini Bte Agus

Mohamad Johdi Bin Salleh

International Islamic University Malaysia (IIUM)

1. Pengenalan

1.1 Pengenalan Kepada Matapelajaran Sejarah Sekolah Menengah

Matapelajaran Sejarah adalah merupakan salah satu matapelajaran yang diajari di peringkat pendidikan menengah rendah dan menengah atas. Mata pelajaran ini diberi status sebagai matapelajaran wajib di kedua-dua peringkat persekolahan dan diletakkan dalam kelompok matapelajaran teras. Matlamat Pendidikan Sejarah adalah bagi memupuk semangat setia kepada negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia.¹

Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air, pelajar-pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan serta kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal, mewujudkan ingatan bersama terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan memperkuatkan perasaan cinta akan tanah air.

Objektif pengajaran dan pembelajaran Sejarah ialah untuk membolehkan pelajar:²

- 1) memahami perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi, dan sosial;
- 2) memahami dan menghargai ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Melayu serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian;
- 3) menghargai usaha-usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan, dan tokoh-tokoh yang menghasilkan pembangunan negara;
- 4) mempunyai kesedaran sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masyarakat dan negara masa kini;
- 5) menganalisis, merumus, dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional;
- 6) mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan yang berdasarkan iktibar daripada pengalaman sejarah; dan
- 7) mempunyai kesedaran, kepekaan, dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan, serta kemajuan negara.

1.2 Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Apabila guru diberi tanggungjawab untuk mengajar sesuatu matapelajaran, tanggungjawab tersebut bukanlah hanya setakat mengajar semata-mata, malah seseorang guru perlu merancang pengajarannya agar di akhir pengajaran para pelajar dapat serta mampu menguasai kemahiran yang diajar.

¹ Isa, Yaakub (1996). *Almanak Pendidikan*. Muka surat 289.

² Ibid.

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

Umumnya, matapelajaran Sejarah adalah antara pelajaran yang membosankan di dalam bilik darjah. Walhal, Sejarah adalah salah satu matapelajaran wajib bagi semua pelajar namun kebanyakannya pelajar kurang berminat untuk mendalamai subjek ini. Mengapakah ianya terjadi sebegitu?

Kemampuan seseorang guru dalam menyampaikan pengajarannya adalah bergantung kepada kreativiti yang dimiliki. Dengan adanya kreativiti atau kepelbagaiannya dalam teknik mengajar, sudah pasti dapat menarik perhatian para pelajar. Kreativiti adalah merupakan suatu bakat yang terpendam di dalam diri seseorang manusia. Bagi menggalakkan pemikiran yang kreatif serta pembentukan seorang insan yang kreatif, satu suasana yang selesa dan kondusif perlu disediakan.

Kreativiti di dalam bilik darjah boleh dan seharusnya memimpin murid-murid supaya lebih berminat dan mengambil bahagian dalam pengalaman pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru yang kreatif dapat memupuk serta meningkatkan daya kreativiti para pelajarnya. Sebaliknya, seorang guru yang tegas dan tidak fleksibel akan membendung kecenderungan dalam pemikiran para pelajar. Maka, seseorang pendidik yang kreatif akan bertindak sebagai pemberi motivasi dalam pembelajaran bagi pelajar-pelajar.

Guru-guru yang kreatif adalah merupakan seorang pendidik yang boleh menstrukturkan pengalaman-pengalaman pelajaran yang membolehkan perkembangan kreativiti di kalangan para pelajarnya. Mereka (guru kreatif) boleh menunjukkan kefleksibelan dalam cara pemilihan pendekatan-pendekatan, strategi pengajaran atau pedagogi dalam menjalankan peranan mereka.³

³ Yong dan Biraimah (1996). *Guru Yang Kreatif*. Muka surat 48.

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

1.3 Ciri-ciri Seorang Guru yang Kreatif⁴

⁴ Yong dan Biraimah (1996). *Guru Yang Kreatif*. Muka surat 49.



2. Merancang Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif

2.1 Pengenalan

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

Sungguhpun tiada satu definisi yang mutlak akan istilah kreativiti, namun secara umumnya, kreativiti dianggap sebagai suatu keadaan atau fenomena yang meliputi pelbagai aspek seperti proses kreatif, hasil kreatif, insan yang kreatif, serta situasi yang kreatif.

Menurut Yong dan Biraimah (1996), seorang guru yang kreatif adalah bersifat terbuka, menerima pelajar-pelajarnya dengan sikap terbuka, dan mempunyai darjah toleransi yang tinggi untuk individu-individu yang berbeza. Guru-guru yang kreatif juga akan menghargai sifat keaslian dalam pelajar-pelajarnya dan akan menggalakkan sumbangan-sumbangan unik dan jawapan-jawapan yang mengagumkan daripada pelajar-pelajarnya, iaitu jawapan-jawapan yang tidak terdapat dalam buku teks.

Di samping itu, Yong dan Biraimah (1996) juga menyatakan bahawa seorang guru yang kreatif mempunyai harga diri yang tinggi mengenai kerjanya. Oleh itu, adalah penting untuk seseorang guru melihat nilai terpenting dalam sumbangan mereka sebagai seorang guru dan mereka perlu selalu mempertahankan “harga diri yang tinggi” mereka sebagai guru.

Pembelajaran aktif di kalangan para pelajar merujuk kepada pembelajaran yang menggalakkan secara aktif lebih daripada hanya menerima sesuatu daripada gurunya atau daripada buku teks, atau menghafaz sesuatu dari buku teks dan kemudian mengeluarkannya semula dalam bentuk lisan atau bertulis (Isa, 1996). Maka dengan itu, pembelajaran aktif adalah suatu situasi di mana memerlukan para pelajar agar melakukan pelbagai aktiviti, melibatkan diri dalam projek atau eksperimen.

Sebagai contoh, dalam melakukan ulngkaji matapelajaran Sejarah, pembelajaran aktif memerlukan pelajar membuat sesuatu seperti menyediakan nota sendiri, bukan dengan hanya membaca buku teks semata-mata. Corak pendidikan moden masa kini, sebagaimana dalam program KBSM amat memerlukan pembelajaran yang dijalankan secara aktif.

Maka, dapat disimpulkan di sini bahawa, pengajaran guru yang kreatif akan menghasilkan corak pembelajaran yang aktif di kalangan pelajar. Dengan adanya pembelajaran aktif, para pelajar mampu menghasilkan idea-idea yang unik yang juga melibatkan pemikiran kreatif dan kritis.

2.2 Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Secar Kreatif

Setiap pendidik berhasrat untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan dan bagi mencapai tujuan itu, beberapa langkah perlu dilakukan oleh para guru sebelum memulakan pengajaran. Misalnya, guru perlu mengetahui secara mendalam tentang isi kandungan pelajaran yang hendak diajar serta menentukan strategi, kaedah, teknik dan cara Pendekatan yang terbaik.

Menurut Ashaari (1999), sebagai peringkat pertama sebelum proses pengajaran, guru perlu mempunyai kebolehan untuk mentafsirkan sukatan bagi matapelajaran yang hendak diajar. Pentafsiran sukatan pelajaran ini adalah bagi memudahkan para guru dalam merancang pengajaran dan penggunaan kaedah yang lebih berkesan.

Sebagai contoh, dalam pengajaran Sejarah, Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa objektif penting. Antaranya ialah untuk melahirkan warganegara yang akan mencurahkan taat setia di samping menanamkan semangat kasihkan tanah air. Maka, dengan adanya objektif yang tersedia, guru boleh merangka beberapa matlamat

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

lain untuk menyampaikan pengajarannya dengan menggunakan kaedah dan pendekatan yang sesuai.

Untuk menjadi seorang guru yang kreatif, penguasaan dalam membuat persediaan mengajar haruslah ada. Seseorang guru itu perlu mempunyai segala kemahiran khususnya dalam memahami isi pelajaran dan segala konsep yang hendak disampaikan kepada para pelajar. Selain itu, guru juga perlu mengenal latar belakang pelajar-pelajarnya agar dapat menyediakan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan kemampuan dan kebolehan pelajar-pelajar.

Di samping itu, guru juga perlu mengetahui tahap pemikiran dan pengalaman pelajar. Guru akan dapat menggunakan pengetahuan yang sedia ada untuk membantu pelajar memahami sesuatu topik. Sebagai contoh, menjalankan sesi soal jawab yang ringkas atau set induksi. Dengan adanya teknik ini, ianya sudah pasti akan merangsang para pelajar untuk memberikan respon dan seterusnya memberikan sepenuh perhatian mereka terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Peruntukan masa yang sesuai juga perlu ditentukan pada peringkat ini agar masa pengajaran dapat diselaraskan dan dilakukan dengan sempurna dan penglibatan para pelajar dalam sesuatu aktiviti dapat dimaksimumkan. Dengan kata lain, guru perlu bijak dalam mengawal keadaan bilik darjah mereka. Bilik darjah yang tidak terkawal adalah punca hilangnya minat pelajar untuk belajar.

Seterusnya, dalam bahagian perkembangan, langkah pengajaran disusun secara berperingkat-peringkat berdasarkan prinsip pengajaran. Dalam bahagian ini, guru menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan strategi dan kaedah yang sesuai. Bagi memenuhi keperluan itu, persediaan yang perlu dilakukan ialah dengan menyediakan kaedah, aktiviti serta bahan bantuan mengajar.

Dalam komponen penutup pengajaran pula, beberapa teknik perlu dirancang bagi memilih cara penutupan pengajaran yang sesuai. Sebagai contoh, mengadakan aktiviti susulan, membuat penilaian matlamat pengajaran, membuat rumusan, serta membuat kesimpulan. Ini akan membantu para pelajar untuk memahami akan tujuan topik yang telah mereka pelajari.

Selain daripada perancangan pengajaran yang disebutkan di atas, para guru juga perlu mengenalpasti objektif pengajaran. Pada hakikatnya, objektif pengajaran merupakan hasrat dan tujuan yang hendak disampaikan dalam bentuk pernyataan yang menerangkan perubahan yang perlu dilakukan terhadap diri pelajar hasil daripada pengajaran seseorang guru.

Menurut Mak Soon Sang (1993), objektif pengajaran dan pembelajaran boleh dianggap sebagai hasil perlakuan pelajar setelah mereka didedahkan kepada suatu proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, untuk menjadi seorang guru yang kreatif perlulah mempunyai persediaan yang rapi agar matlamat yang dirancang dapat berjalan dengan lancar serta membawa hasil yang membanggakan.

2.3 Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Kreatif

2.3.1 Set Induksi

Kemahiran menyediakan pelajar dan menarik perhatian awal merupakan permulaan sesuatu proses pengajaran. Kemahiran ini juga bertujuan untuk membina aliran fizikal

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

dan mencetuskan minat pelajar supaya mereka menumpukan segala perhatian terhadap aktiviti pengajaran yang hendak disampaikan oleh guru. Kemahiran memulakan pengajaran juga disebut sebagai kemahiran set induksi dan ini merujuk kepada kaedah guru memulakan pengajaran mereka.

2.3.2 Bahan Bantuan Mengajar

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, perhatian awal pelajar adalah berkaitan dengan apa yang dipandang dan didengarnya. Walaupun begitu, memberikan perhatian adalah suatu perkara yang sukar hendak dipastikan kerana sungguhpun pelajar menghadapkan mukanya kepada guru tetapi mungkin fikirannya melayang ke tempat lain.

Kaedah untuk mendapatkan penggerakkan perhatian adalah dengan cara menunjukkan objek yang dapat menarik perhatian semua pelajar di dalam kelas. Antara beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menarik perhatian awal adalah dengan penggunaan bahan bantuan mengajar yang canggih dan sesuai dengan tajuk yang dibincangkan.

Penggunaan bahan bantuan mengajar juga telah tersebar luas sejajar dengan arus kemajuan yang berlaku dalam dunia pendidikan hari ini. Peralatan yang dihasilkan berasaskan teknologi moden dapat digunakan secara praktik dalam pengajaran dan pembelajaran guru. Dengan itu, guru harus mengetahui cara mengendalikan projektor slaid, projektor filem, serta alat bantu mengajar yang lain.

Kepentingan penggunaan bahan bantu mengajar ialah, ianya dapat mencetuskan minat para pelajar akan subjek yang diajar. Ianya juga dapat mendorong pelajar-pelajar agar bergiat cergas dan cerdas dalam proses pembelajaran. Bahan bantuan mengajar yang digunakan oleh guru dapat menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan kekal dalam minda pelajar.

Untuk mengajar Sejarah, apa yang diperlukan ialah ingatan dan imaginasi guru dan para pelajar. Maka, apabila guru menggunakan bahan bantuan mengajar, daya ingatan pelajar menjadi lebih baik berbanding dengan pengajar yang tidak menggunakan sebarang bahan bantuan mengajar.

Selain daripada itu, dengan adanya bahan bantu mengajar, konsep pengajaran dapat dijelaskan dan diperkembangkan dengan lebih terperinci. Pengajaran guru juga akan menjadi lebih bersifat kreatif dan tidak membosankan pelajar. Walaubagaimanapun, guru perlu membuat perancangan yang teliti terlebih dahulu akan pemilihan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan topik yang ingin disampaikan.

2.3.3 Teknik Penyoalan

Kaedah lain yang lazim dilakukan ialah teknik penyoalan. Di sini, guru akan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk yang akan dibincangkan dalam pengajaran. Selain membangkitkan rasa ingin tahu di kalangan para pelajar, ia juga dapat membuatkan pelajar berlumba-lumba mencari jawapan kepada soalan tersebut.

Dengan penggunaan teknik ini, guru juga pasti membangkitkan rasa kehairanan disebabkan soalan-soalan yang diajukan mampu menarik perhatian pelajar-pelajar. Namun begitu, bagi memastikan penggunaan teknik berjalan dengan jayanya, guru

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

perlulah melengkapkan diri dengan pengetahuan serta kemahiran yang bervariasi akan tajuk yang dibincangkan.

2.3.4 Mewujudkan Motivasi

Menurut Ee Ah Meng (1990), komponen utama dalam kemahiran menarik perhatian awal pelajar ialah dengan mewujudkan motivasi. Guru perlu tahu bahawa dirinya sendiri merupakan sumber rangsangan yang kompleks yang mempunyai berbagai-bagai sifat dan tingkah laku. Cara guru bercakap, tersenyum, dan memberikan tindak balas yang berlainan terhadap tingkah laku pelajar sebenarnya juga merupakan suatu rangsangan.

Untuk memberi motivasi kepada para pelajar, guru boleh mewujudkan unsur-unsur ketegangan dan membangkitkan perasaan. Mereka mungkin menggunakan kata-kata perangsang untuk mewujudkan minat terhadap pengajaran guru. Selain daripada itu, guru juga boleh menunjukkan sesuatu aktiviti yang berguna ataupun menggunakan soalan yang mencabar.

2.3.5 Membuat Perkaitan

Selain itu, kaedah lain yang bolah diketengahkan ialah dengan mengulangkaji tajuk yang berkaitan. Guru juga boleh membimbing pelajar dengan cara mengingat kembali pelajaran yang telah lepas dan sebagainya. Dalam melaksanakan aktiviti pengajaran pada peringkat awal, guru hendaklah mengaitkannya dengan pengetahuan, kemahiran yang sedia ada pada diri pelajar dengan isi pelajaran baru yang hendak disampaikan.

Tegasnya, pengajaran guru bermula dengan apa yang diketahui, dialami, dan difahami oleh pelajar ketika di dalam kelasnya. Bertolak dari situ, guru akan terus mengajar tentang perkara yang kurang diketahui oleh pelajar. Pengetahuan daripada apa yang diketahui kepada perkara yang belum diketahui oleh pelajar perlu jelas. Dengan itu, pelajar akan dapat mengikuti bahan pengajaran guru dengan mudah dan berkesan.

Sebagai contoh, dalam matapelajaran Sejarah di bawah topik “Masalah-masalah Masyarakat Majmuk di Tanah Melayu Sebelum Merdeka”, guru boleh menggunakan teknik penceritaan khususnya mengenai kedatangan orang bukan Melayu semasa pemerintahan British. Selain itu, guru juga boleh meminta para pelajar memberitahu atau menerangkan tentang bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang mereka tahu.

Dengan menggunakan teknik ini, ia dapat membantu pelajar-pelajar untuk memahami topik yang diajar dengan lebih mudah dan berkesan. Ini adalah kerana, secara umumnya, pelajar gemar menyatakan sesuatu yang mereka tahu di sekeliling mereka. Berasaskan pengetahuan itu, guru akan mengajar perkara yang di luar pengalaman pelajar mereka. Langkah ini seterusnya akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna.

2.3.6 Menarik Perhatian

Bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu tahu tentang bagaimana caranya untuk mendapatkan perhatian para pelajarnya. Khususnya kepada guru-guru yang mengajar Sejarah, mereka sering berhadapan dengan pelajar yang menunjukkan respon kurang berminat untuk belajar subjek ini.

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

Ada guru yang berdiam sejenak di hadapan kelas sebelum memulakan pengajarnya sekiranya pelajar membuat bising. Ada juga guru yang menggunakan nada suara yang agak perlahan daripada biasa. Maka, untuk mendengar dengan lebih jelas, pelajar terpaksa berdiam. Ini merupakan antara kaedah yang boleh digunakan untuk menarik perhatian pelajar.

Namun begitu, guru juga perlu sedar bahawa rentak suara yang sama atau mendarat mampu mendatangkan kebosanan dalam diri pelajar. Oleh itu, guru boleh mengubah rentak suaranya ketika menegaskan sesuatu perkara atau menerangkan fakta-fakta yang penting.

Dalam mengajar Sejarah khususnya, guru boleh memulakan pengajarannya dengan menunjukkan aktiviti yang luar biasa. Contohnya, dengan tiba-tiba guru membawa kamera masuk ke kelas dan mengambil gambar para pelajarnya. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar akan menumpukan perhatian mereka terhadap pengajaran guru.

2.4 Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Kreatif

2.4.1 Kerja Berkumpulan

Satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang biasa dilakukan ialah kerja berkumpulan. Melalui pendekatan ini, guru boleh membahagikan pelajar-pelajarnya kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada gabungan pelajar yang berprestasi tinggi, sederhana, dan rendah. Tujuannya adalah bagi menggalakkan proses pembelajaran yang sihat di antara pelajar-pelajar.

Di samping itu, gabungan pelajar yang mempunyai berbeza tahap pembelajaran juga dapat menggalakkan pelajar-pelajar saling membantu dan berinteraksi. Hal ini kerana, jika guru meletakkan pelajar yang lemah tahap akademiknya di kumpulan yang sama tahap dengannya, ini akan menyebabkan pelajar tersebut akan cenderung ke arah sikap tidak ingin tahu dan sentiasa merasa bosan akan subjek yang diajar.

2.4.2 Pengajaran Individu

Pendekatan seterusnya ialah pengajaran individu. Menurut Ashaari (1999), konsep pengajaran perseorangan adalah luas dan boleh disifatkan sebagai satu pendekatan falsafah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran ini adalah lebih berbentuk sistem tutor atau mentor-mentee iaitu seorang guru membimbing seorang pelajar.

Pendekatan ini dilakukan kerana aras pemikiran pelajar tidak berkembang sepenuhnya. Dengan itu, guru perlulah mencari alternatif yang kreatif untuk membantu pelajarnya. Sebagai contoh, guru memberikan penerangan daripada perkara yang khusus kepada berbentuk am. Ini akan membantu pelajar untuk memahami topik yang diajar dengan lebih berkesan.

2.4.3 Drama

Drama adalah merupakan salah satu teknik yang boleh digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Melalui drama, para pelajar dapat berkongsi cerita dan pengalaman bersama rakan-rakan dan guru. Penekanan utama melalui drama ialah pendengaran dan pemahaman. Drama mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif tanpa rasa bosan.

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

2.4.4 Belajar di luar kelas

Kelas merupakan ruangan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk belajar. Namun begitu, pembelajaran di dalam bilik darjah secara berterusan sebenarnya boleh menyebabkan pelajar berasa bosan dan tertekan. Ini adalah kerana, mereka hanya duduk di tempat yang sama setiap waktu persekolahan. Oleh itu, guru seharusnya sekali-sekala membawa pelajar-pelajar mereka untuk belajar di luar kelas.

Sebagai contoh, membawa pelajar melawat tempat-tempat yang menyimpan seni sejarah seperti muzium. Tujuannya ialah untuk membuat lawatan sambil belajar. Di sini, setiap pelajar akan cuba mengaitkan di antara pengalaman sebenar dengan ayat-ayat yang terdapat dalam buku teks.

2.4.5 Melaksanakan sistem pengukuhan

Sistem pengukuhan bertujuan untuk memperkuatkan atau mempertingkatkan kekerapan perlakuan atau respon yang diingini yang mana biasanya disusuli dengan ganjaran (Dr. Ahmad Marzuki, 2009). Guru boleh memberitahu pelajar bahawa mereka telah melakukan sesuatu yang baik dengan harapan mereka akan melakukannya lagi atau lebih kerap. Sistem ini juga digunakan untuk pelajar yang memerlukan insentif tambahan bagi mencapai hasil yang diingini.

Sistem pengukuhan boleh dilaksanakan untuk memotivasi para pelajar supaya meminati pembelajaran mereka. Ini adalah kerana, guru akan memberikan gred yang baik serta pujian kepada pelajar yang menunjukkan prestasi yang baik. Selain daripada itu, guru juga boleh menggunakan sistem pengukuhan untuk mengeluarkan pelajar dari sikap yang tidak disukai. Misalnya, mendenda pelajar yang tidur semasa guru mengajar.

Bagaimakah Guru Boleh Menjadi Kreatif?

1. Berani menghadapi risiko.
 - Guru-guru perlu bersedia untuk mengambil risiko dan menghadapi kritikan daripada orang lain serta rakan sekerja ataupun penyelia mereka disebabkan oleh kerja atau kreativiti yang ingin mereka lakukan.
2. Berkeyakinan serta mempunyai komitmen yang tinggi.
 - Guru-guru perlu sedar akan perhubungan terus atau korelasi di antara komitmen kepada kerja dan kebolehan kreatif untuk memikirkan idea-idea baru bagi menjalankan tugas-tugas tersebut. Guru-guru juga perlu mengetahui bahawa terdapat prinsip-prinsip asas yang menyatakan bahawa anda tidak boleh menjadi kreatif atau inovatif jika anda tidak berkeyakinan serta tiada komitmen.

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

3. Tidak mudah berputus asa.

- Profesional perguruan adalah amat mencabar dan terdapat pelbagai halangan yang perlu ditempuhi. Oleh itu, guru-guru perlu berusaha bersungguh-sungguhdan tidak mudah berputus asa sungguhpun keadaan sekeliling tidak menggalakkan usaha kreatif mereka. Hal ini kerana, kejayaan pelajar adalah intipati utama.

MOTIVASI BELAJAR UNTUK PELAJAR...

1. Wujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
2. Maksimumkan kebarangkalian pelajar berusaha untuk belajar.
3. Berusaha membantu pelajar yang kurang berkeyakinan dengan merancang aktiviti mencabar yang berkaitan dengan kemampuan mereka.
4. Menggunakan ganjaran luar (extrinsic) dan dalaman (intrinsic).
 - Luaran: hadiah, gred yang tinggi atau sijil.
 - Dalaman: sikap, minat, keperluan, rasa ingin tahu dan kepuasan.
5. Galakkan pelajar untuk menghargai pembelajaran.
6. Galakkan pelajar untuk membantu sesama mereka.
7. Memberitahu pelajar akan kualiti dan ketepatan/ tahap kerja mereka.
8. Membantu pelajar menyelia dan memperbaiki pembelajaran mereka.

3. Kesimpulan

Sejarah merupakan matapelajaran yang mempunyai idea dan konsep yang khusus. Pemahaman dan penghayatan tentang idea dan konsep tersebut amat penting untuk menjadikan penggetahuan Sejarah relevan dan berguna dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, Sejarah adalah pendukung utama dalam pemupukan semangat patriotik dikalangan generasi muda.

In Abdul Razaq and Isjoni (2009). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 183 – 196. ISBN 978-602-8025-27-0.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu dibuat terhadap aspek nilai dan iktibar melalui pengalaman sejarah untuk memupuk semangat setia negara, kebanggaan, dan keperibadian sebagai rakyat Malaysia. Di samping itu, penekanan juga haruslah diberi dalam perkembangan kemahiran seperti mengumpul, mengelaskan, mentafsir, menganalisis, mensintesis, dan mengaplikasi maklumat. Penguasaan kemahiran belajar tersebut akan meningkatkan kefahaman, pemikiran, dan minat terhadap matapelajaran Sejarah.

Dengan itu, untuk mengembangkan potensi serta meningkatkan keupayaan dan kebolehan pelajar-pelajar secara menyeluruh dan seimbang, para pelajar perlu dilibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan setiap pelajar secara aktif pastinya dapat meningkatkan kefahaman, kemahiran, dan pemupukan nilai dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- Abd. Rashid, A. R. (2002). *Model dan Pendekatan Pengajaran Sejarah KBSM (Cetakan Kedua)*. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor Darul Ehsan.
- Abd. Razak, A. R. (1999). *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori, dan Amalan*. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Ashaari, Omardin (1999). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Daia, Musa (1992). *Kaedah dan Teknik Penagajaran (Cetakan Pertama)*. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Isa, Yaakub (1996). *Almanak Pendidikan*. Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mager, R. F. (1923). *Teknik Mendorong Pelajar Belajar: Tanpa Membunuh Semangat Mereka*. Siri Pembangunan Profesional Perguruan, Selangor Darul Ehsan.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Sejarah Tingkatan 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sang, M. S. (2004). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah): Sekolah Menengah Semester 1 & 2 (Edisi Ketiga)*. Siri Pendidikan Perguruan, Subang Jaya.
- Sulaiman, Esah (2004). *Pengenalan Pedagogi (Edisi Pertama)*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Darul Ta'zim.
- Yong, L. M. S dan Biraimah, K. L (1996). *Guru yang Kreatif (Cetakan Pertama)*. Arenabuku Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.